KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	10/1/2022 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	3
JABATAN	:	JPSM			

Tiada bukti wujud lokasi pembalakan haram



Seorang penduduk melihat timbunan kayu balak yang memusnahkan rumahnya ketika tinjauan selepas banjir di Kampung Baru Sungai Perdak, Karak, baru-baru ini. (Foto Aizuddin Saad/BH)

Jabatan Perhutanan Semenanjung akui balak hanyut bersama banjir

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jabatan Perhutanan Semenanjung mengakui banyak kayu hanyut bersama arus banjir yang melanda, khususnya di Pahang baru-baru ini, namun tidak menemui bukti ada lokasi di kawasan itu terbabit kegiatan pembalakan haram, menjadi punca bencana itu.

Ketua Pengarahnya, Datuk Mohd Ridza Awang, berkata pihaknya juga tidak menerima sebarang maklumat mengenai kegiatan itu setakat ini.

"Berdasarkan pemantauan yang dijalankan, terutama di Pahang setakat ini, kita belum jumpa (kawasan pembalakan haram).

"Namun, jika ada pihak atau mana-mana individu boleh tunjukkan pada kita di mana ada kawasan penerokaan haram, kita akan buat semakan dan jika ada, tindakan perundangan akan diambil," katanya kepada *BH*.

Ditanya sama ada punca kejadian banjir di Pahang adalah kerana kegiatan pembalakan, beliau berkata, punca sebenar masih belum diketahui, walaupun mengakui ada banyak kayu hanyut.

Katanya, semakan yang dijalankan mendapati terdapat kesan jaluran runtuhan bukit yang menyebabkan pokok yang masih mempunyai akar, hanyut ke bawah, manakala daun pokok berkenaan juga dipercayai sudah hanyut dibawa air.

"Jadi, jika ingin katakan ia (banjir) berpunca daripada pembalakan, ia tidak dapat dipastikan.

"Jika ingin katakan akibat pembalakan di Hutan Simpan Lentang, setakat ini memang tiada lesen dikeluarkan dan kerajaan Pahang juga sudah sahkan perkara ini," katanya.

Mohd Ridza berkata, berdasarkan tinjauan lapangan oleh Pakar Geobencana, Prof Emeritus Datuk Dr Ibrahim Komoo, juga mendapati kayu hanyut itu adalah kayu-kayan akibat runtuhan bukit besar ketika hujan lebat.

Bulan lalu, tinjauan lapangan oleh Ibrahim mendapati, banjir lumpur bersama kayu hanyut yang melanda sekitar Bentong dan Karak baru-baru ini bukanlah terdiri daripada kayu balak, sebaliknya ia adalah kayu-kayan yang juga sebahagian daripada puing akibat runtuhan bukit besar ketika hujan lebat.

Pakar itu dilaporkan berkata, kayu-kayan itu adalah hasil runtuhan bukit sebelum dihanyutkan sungai ketika hujan lebat dan tersangkut di jambatan seperti yang tular di media sosial.

"Saya tidak nampak bukti kayu-kayan itu adalah hasil proses pembalakan kerana jika kayu-kayan yang terdampar itu hasil pembalakan, pasti ia bersaiz besar dan mempunyai tanda sudah dipotong.

"Kayu-kayan itu tersadai di suatu kawasan dan terkepung oleh jambatan. Apabila air mulai surut, ia membentuk satu lapangan puing yang sangat besar," katanya.

Jelasnya, kebanyakan kayunya adalah kecil bersama akar, anak pokok yang halus dan hancur, sekali gus menafikan ia kayu balak.

> "Berdasarkan pemantauan yang dijalankan, terutama di Pahang setakat ini, kita belum jumpa (kawasan pembalakan haram)"



Mohd Ridza Awang,
Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan